

SURAT PEKELILING CIDB-BIL.2/2023

PEMAKLUMAN PENSTRUKTURAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR ASING

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pihak-pihak berkaitan dalam Industri Pembinaan mengenai penstrukturan pendaftaran bagi kontraktor asing yang ingin menjalankan atau menyiapkan, mengaku janji untuk menjalankan atau menyiapkan mana-mana kerja pembinaan atau mengaku dirinya sebagai kontraktor di Malaysia.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Menstrukturkan pendaftaran Kontraktor Asing di Malaysia.
- 2.2 Memperkemas dan menambahbaik proses Pendaftaran Kontraktor di Malaysia secara berperingkat


3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Mana-mana kontraktor asing yang ingin menjalankan atau menyiapkan, mengaku janji untuk menjalankan atau menyiapkan mana-mana kerja pembinaan atau mengaku dirinya sebagai kontraktor di Malaysia perlu mendapatkan Perakuan Pendaftaran Kontraktor Asing (PPKA) di CIDB terlebih dahulu tanpa perlu dianugerahkan projek.
- 3.2 Pihak kontraktor asing seterusnya wajib untuk mengisytihar serta mendaftar setiap projek yang telah dianugerahkan kepadanya bagi mendapatkan Perakuan Pendaftaran Projek (PPP).
- 3.3 Permohonan pendaftaran boleh dibuat melalui <https://cims.cidb.gov.my>

4.0 TARIKH MULA

Penstrukturan pendaftaran kontraktor asing ini akan bermula pada 1 Februari 2023.

“BINA SEMPURNA”



DATUK Ir. AHMAD ASRI ABDUL HAMID

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

17 Januari 2023

SYARAT PENDAFTARAN KONTRAKTOR ASING

BIL	PERKARA	SYARAT						
1	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	Wajib berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (ROC)						
2	Keupayaan Kewangan	Modal Berbayar : RM750,000.00						
3	Personel Teknikal	<ul style="list-style-type: none"> • Minima 2 orang warganegara Malaysia • Pengalaman melebihi lebih daripada 5 tahun <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #4F81BD; color: white;">Gred</th> <th style="background-color: #4F81BD; color: white;">Minima Keperluan Personel Teknikal (Orang)</th> <th style="background-color: #4F81BD; color: white;">Kelayakan Akademik</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">G7</td> <td style="text-align: center;">2</td> <td>Ijazah berkaitan bidang pembinaan</td> </tr> </tbody> </table>	Gred	Minima Keperluan Personel Teknikal (Orang)	Kelayakan Akademik	G7	2	Ijazah berkaitan bidang pembinaan
Gred	Minima Keperluan Personel Teknikal (Orang)	Kelayakan Akademik						
G7	2	Ijazah berkaitan bidang pembinaan						
4	Kategori/ Pengkhususan	Kategori / Pengkhususan (Sila rujuk jadual tambah pengkhususan)						
5	Penarafan SCORE	Penarafan SCORE. Semua kontraktor asing mesti mempunyai sijil SCORE yang masih sah semasa mengemukakan permohonan pendaftaran semula (pembaharuan)						
6	Tempoh Berdaftar	<ul style="list-style-type: none"> • Berdaftar kali pertama adalah selama 2 tahun • Pendaftaran semula selepas pendaftaran kali pertama adalah mengikut syarat mata CCD yang ditetapkan (40 mata/setahun) 						
7	Syarat tambahan pendaftaran semula	<ul style="list-style-type: none"> • Kursus Integriti dan perundangan industri pembinaan di Malaysia (sekali sahaja) • Keperluan mengumpul mata melalui program Pembangunan Kontraktor Berterusan (CCD) 						
8	Kadar Fee	RM 1,400.00 / setahun <i>(Kadar ini akan berubah tertakluk kepada pindaan Peraturan-peraturan Pendaftaran Kontraktor)</i>						

PERAKUAN PELAKSANAAN PROJEK

Kontraktor asing yang telah dianugerahkan projek wajib untuk mengisytiharkan kerja pembinaan mereka kepada kepada pihak lembaga dan mendapatkan Perakuan Pendaftaran Projek. Berikut adalah syarat bagi Perakuan Pelaksanaan Projek :

1. Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor Asing yang masih sah
2. Mempunyai projek yang masih ber
3. Fi pendaftaran adalah sebanyak RM5,000.00 bagi setiap projek
4. Fi proses adalah sebanyak RM50.00 bagi setiap projek